



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 FEBRUARI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Ketua Kampung mahu penduduk boleh bantu polis cegah Jenayah



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 FEBRUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ketua Kampung mahu penduduk boleh bantu polis cegah jenayah
Muka Surat	24

Ketua Kampung mahu penduduk boleh bantu polis cegah jenayah

KAMPUNG PANDAN - Penglibatan 40 penduduk dalam rondaan bersepadu di kawasan Kampung Pandan dapat membantu polis dalam usaha menurunkan kadar jenayah dan mencegah kegiatan tidak bermoral itu.

Ketua Kampung, Kampung Pandan Syed Abdul Halim Syed Harman, turut menyaran kan penduduk menjadi mata dan telinga pihak berkuasa dalam membantu menyalurkan maklumat berhubung kes jenayah.

Taktik itu juga katanya sesuai bagi mencegah penyalahgunaan dadah di Kampung Pandan.

"Saya memandang serius isu penyalahgunaan dadah di kawasan ini. Kita harus membantu menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa dalam usaha memberkas 'tokan' atau pengedar dadah," katanya.

Syed Halim berkata, masyarakat juga dapat melibatkan diri dalam rondaan bersama polis. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung,

Kampung Pandan, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

"Kita memanfaatkan hubungan baik dengan semua agensi untuk kepentingan dan kesejahteraan masyarakat," katanya kepada Sinar

Harian dalam program rondaan bersepadu, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir ADUN Pandan Indah, Ir Izham Hashim dan Penghulu Mukim Ampang, Rafizi Jamro.

Syed Halim berkata, beliau

difahamkan Izham yang juga Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor akan memberi sumbangan bantuan jika aktiviti sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa

hadapan.

"Beliau akan memberi kerjasama untuk menjayakan program yang baik untuk masyarakat kampung Pandan, saya mahu masyarakat mengetahui keselamatan kampung ini sentiasa dijaga," katanya.



SH
13/2/19
M/s 24

Syed Abdul Halim (tengah) bersama Izham bergambar dengan penduduk dan agensi yang terlibat dalam rondaan cegah jenayah bersepadu.